



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 21 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NANCY TELLS CHONG TO FOCUS ON STAMPIN CONSTITUENTS INSTEAD OF POLITICISING SANTUBONG BEER ISSUE		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/09/20/nancy-tells-chong-to-focus-on-stampin-constituents-instead-of-politicising-santubong-beer-issue/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/20/quit-politicising-a-resolved-issue-chong-told-over-santubong-beer	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://suarasarawak.my/isu-produk-arak-nama-santubong-telah-selesai-jangan-dipolitikkan-lagi-nancy/	SUARASARAWAK.MY	
	https://dayakdaily.com/stop-politicising-santubong-beer-issue-mp-tells-dap-sarawak-chief/	DAYAKDAILY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/20/jangan-politikkan-isu-dah-selesai-nancy-beritahu-chong-berkait-bir-santubong	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=bsSwCLjxqXM	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SKUAD SUKARELAWAN BN SABAH DILANCAR FOKUS BANTU MANGSA BENCANA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/skuad-sukarelawan-bn-sabah-dilancar-fokus-bantu-mangsa-bencana/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PEDAGOGI INKLUSIF TIDAK PINGGIR OKU		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/20/pedagogi-inklusif-tidak-pinggir-oku/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BAYI 2 BULAN MAUT DISYAKI DITINDIH IBU SENDIRI KETIKA TIDUR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1266231/bayi-2-bulan-maut-disyaki-ditindih-ibu-sendiri-ketika-tidur	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-direman-3-hari-disyaki-sebabkan-kematian-bayi/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/20/bayi-lelaki-maut-tertindih-badan-ibu-ketika-tidur/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/bayi-berusia-dua-bulan-maut-tertindih-ibu-ketika-tidur/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1448477/bayi-dua-bulan-maut-disyaki-ditindih-ibu-sendiri-ketika-tidur	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/755747	MALAYSIAKINI.COM	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2469503	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/20/bayi-dua-bulan-maut-dipercayai-ditindih-ibu-ketika-tidur/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/748781/berita/semasa/bayi-dua-bulan-maut-ditindih-ibu-ketika-tidur	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1278073/indonesian-woman-face-charges-after-baby-dies-accidental	NST.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/09/20/bayi-dua-bulan-maut-tertindih-badan-ibu-ketika-tidur	MSTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2469513	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/20/mother-to-be-charged-after-smothering-baby-to-death	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/2025/09/20/baby-accidentally-smothered-to-death-by-mother	THESTAR.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113018/infant-dies-after-being-accidentally-smothered-by-mother-while-sleeping	THEVIBES.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=PB9MRIZ9ExM	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	REMAJA AUTISTIK DITEMUI DUDUK DI TENGAH LALUAN MOTOSIKAL KESAS		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1448455/remaja-autistik-ditemui-duduk-di-tengah-laluan-motosikal-kesas	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/748784/berita/semasa/polis-cari-waris-remaja-autisme-ditemui-di-lebuhraya-kesas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2469443	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266136/polis-cari-waris-remaja-dipercayai-autistik-ditemui-di-lebuh-roya	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/20/cops-look-for-family-of-autistic-teen-found-on-kesas-motorcycle-lane	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/20/can-you-help-autistic-teen-discovered-alone-on-kesas-highway-police-look-for-relatives/191780	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2469499	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/20/autistic-teen-found-wandering-on-kesas-highway	THESTAR.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/police-look-for-family-of-autistic-boy-found-on-kesas-motorcycle-lane-BP14936421	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy tells Chong to focus on Stampin constituents instead of politicising Santubong beer issue

BY SAMUEL AUBREY ON SEPTEMBER 20, 2025, SATURDAY AT 10:29 AM

SARAWAK



Datuk Seri Nancy Shukri. – Photo by Chimon Upon

KUCHING (Sept 20): Santubong MP Datuk Seri Nancy Shukri has urged Stampin MP Chong Chieng Jen to focus on serving his own constituents rather than politicising an issue that has already been resolved.

She said the controversy over the use of “Santubong” as a brand name for an alcoholic beverage ended when the company concerned agreed to withdraw the product from shelves.

“The company realised that their actions had hurt the feelings of Santubong constituents, who are predominantly Muslim. That was why they agreed to remove the product. Why then is YB Chong raising an issue that has already been decided?” she said in a statement posted on her Facebook page this morning.

Nancy stressed that as a Member of Parliament, Chong’s role should be to safeguard the interests of his own constituents instead of revisiting matters that were no longer an issue.

She believed that Chong had apparently tried to make himself relevant to Sarawakians by picking up any issue he thinks is in his best political interest.

“My only suggestion to YB Chong is to serve your people well. They need him more than the Santubong people,” she said.

Nancy also thanked Kota Sentosa assemblyman Wilfred Yap for the support and understanding regarding the controversy.

She said that as rightly mentioned by Yap in a statement yesterday, it was only natural for a leader like herself to protect the sanctity of the majority of constituents in Santubong.

“He (Wilfred) rightly pointed out that the brand name is just not appropriate for Santubong, where the population is mainly Muslim. That was the reason why the issue was raised by the constituents,” she added.

Chong, who is also DAP Sarawak chairman, had issued a statement yesterday afternoon by saying he did not see any issue with naming a beer ‘Santubong’, saying it should be viewed as a way to honour the place and promote Sarawak’s identity.

Chong also alleged Sarawak is gradually sliding into Peninsular Malaysia’s “hypersensitive and overzealous” political culture it has long prided itself on avoiding.

Yap later defended Nancy, saying she was voicing genuine concerns of her constituents.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Skuad Sukarelawan BN Sabah dilancar fokus bantu mangsa bencana

© 20 September 2025, 4:53pm



Ahmad Zahid ketika upacara flag off Skuad Sukarelawan BN di perkarangan Bangunan UMNO Sabah, di sini, hari ini.

Oleh: Safwan Sawi

KOTA KINABALU: Skuad Sukarelawan Barisan Nasional (BN) Sabah dilancar sebagai pasukan sukarelawan yang akan digerakkan di 25 kawasan Parlimen di seluruh Sabah bagi membantu penduduk yang terjejas akibat bencana alam.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun pelancaran rasmi hanya diadakan hari ini, skuad berkenaan telah pun mula beroperasi sejak tiga hari lalu termasuk turun padang membantu kerja-kerja pembersihan di beberapa kawasan yang dilanda banjir.

"Pada peringkat awal, kita hanya menyewa empat lori tangki. Namun melihat kepada keperluan di lapangan, jumlah itu ditambah kepada lapan atau sembilan buah lori bagi mempercepatkan proses pembersihan di kawasan yang terjejas, termasuk rumah-rumah penduduk," katanya..



Belliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian selepas upacara flag-off Skuad Sukarelawan BN di perkarangan Bangunan UMNO Sabah, di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi BN Sabah yang juga Ketua UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin; Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki; Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO merangkap Ketua Sekretariat War Room UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Selain itu, ujar Ahmad Zahid, pihaknya turut menyalurkan peralatan tambahan seperti mesin penembak air untuk diagihkan kepada skuad berkenaan bagi melakukan kerja-kerja pembersihan pascabanjir.

Katanya, skuad terbabit akan berdaftar secara rasmi dan digerakkan dengan kerjasama rapat Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi memastikan segala operasi bantuan dan penyelarasan dapat dilakukan dengan lebih sistematik.

"NADMA akan menyelaras bersama skuad ini untuk ke kawasan-kawasan tertentu, khususnya apabila berlaku bencana seperti banjir atau tanah runtuh," katanya.

Menyentuh soal peruntukan, beliau menegaskan bahawa ia tidak ditetapkan jumlah khusus kerana bergantung kepada tahap keperluan di lapangan. Katanya, dana akan diperoleh melalui kerjasama beberapa badan korporat selain sokongan daripada parti.

Penubuhan skuad itu, jelasnya, melengkapkan usaha sukarelawan sedia ada di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat, namun Skuad Sukarelawan BN Sabah akan bergerak sebagai sebuah organisasi berasingan yang memberi tumpuan kepada gerak kerja bencana di peringkat komuniti.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NORANI mengaplikasikan kaedah pedagogi inklusif setiap kali mengajar di dalam kelas.

Pedagogi inklusif tidak pinggir OKU

Oleh ZARITH SIFIA ZAHARUDDIN 20 September 2025, 8:00 am

Pedagogi inklusif merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan semua pelajar termasuk orang kurang upaya (OKU) secara serentak dalam satu bilik darjah di samping tidak melabel dan meminggirkan mereka.

Data Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan seramai 736,807 OKU berdaftar di Malaysia pada tahun 2023.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, seramai 265,503 OKU yang mempunyai masalah pembelajaran sekali gus mencatatkan jumlah tertinggi berbanding kategori lain iaitu fizikal (265,221 orang) dan penglihatan (63,779 orang).

Dalam konteks ini, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) memainkan peranan penting sebagai peneraju dalam melatih bakal guru agar mampu melaksanakan pedagogi inklusif dengan berkesan.

Guru turut memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pelajar mendapat akses pendidikan yang setara, termasuk mereka yang mengalami kecacatan fizikal, gangguan pembelajaran atau cabaran mental.

Pelajar istimewa bukanlah satu beban, tetapi anugerah.

Pengerusi Pertubuhan Pensyarah Cemerlang IPG yang juga Pensyarah Cemerlang Gred Khas C IPGKIK, Norani Abd Rahim berkata, pedagogi inklusif dilaksanakan secara aktif apabila terdapat kepelbagaian kategori permasalahan kecacatan yang turut sama belajar di dalam kelas.

"Cabaran terbesar adalah menyediakan bahan sokongan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan pelajar OKU.

"Contohnya, bagi yang menghadapi masalah penglihatan seperti buta, pelbagai aplikasi terkini dapat membantu mereka untuk membacakan nota pembelajaran bersuara.

"Bagi pelajar rabun pula, penyediaan slaid atau portal pembelajaran yang minimalis amat diperlukan. Misalnya, slaid sebaik-baiknya berwarna hitam, putih, hijau atau biru. Ia tidak memerlukan gambar atau dihias kerana boleh mengganggu silau mata penghidapnya," katanya.

Tambahnya, pelajar normal sepatutnya perlu memahami dan tidak boleh merungut untuk mendapatkan pembentangan yang sempurna.

"Di sinilah konsep menerima dan kebersamaan ketika belajar amat diperlukan. Dengan adanya pedagogi inklusif, pelajar OKU dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran dan bersaing secara sihat dengan pelajar normal," tambahnya.

Pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Amirul Syafiq berkata, dia amat bersyukur diberi peluang belajar bersama-sama pelajar lain kerana pensyarah tidak pernah menyisihkan mereka.

Amirul merupakan seorang pelajar yang mempunyai permasalahan dari segi saraf dan tangan serta artikulasi suara.

"Apa yang menarik adalah rakan di kelas dipujuk untuk sentiasa membantu dan menerima kekurangan kami. Contohnya, saya menghadapi masalah menulis dengan cepat tetapi saya sering diangkat sebagai ketua kumpulan. Saya juga berkeupayaan membenteng dengan baik walaupun sesetengah sebutan saya kurang jelas," katanya.

Bagi pelajar OKU penglihatan, Muhammad Adib Iskandar turut bersyukur dengan pendekatan pedagogi inklusif ini kerana golongan sepertinya tidak disisihkan oleh pensyarah dan rakan, malah dia sering dibantu untuk berjaya dalam pelajaran.

Tidak dinafikan bahawa pedagogi inklusif perlu diperluas agar kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi bermakna.

Dengan menyantuni golongan itu, ia akan memberi peluang untuk menerima pendidikan yang sama dan berkualiti di samping memupuk kebersamaan antara mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang mempunyai nilai insan tinggi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi 2 bulan maut disyaki ditindih ibu sendiri ketika tidur

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Ipoh:Seorang bayi berusia dua bulan meninggal dunia akibat lemas selepas disyaki ditindih ibunya sendiri dalam kejadian di Jalan Sungai Jejawi, Kampung Sungai Dua Kota Setia dekat Parit pada Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintendan Hafezul Helmi Hamzah berkata pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu pada 18 September lalu, kira-kira 8.45 pagi.

"Bayi berkenaan disahkan meninggal dunia di Hospital Seri Manjung sebelum mayatnya dibawa ke Unit Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk dibedah siasat.

"Hasil bedah siasat mendapati punca kematian adalah otak membengkak dan paru-paru sembab akibat ditindih," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata hasil siasatan di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001 mendapati bayi terbabit lemas semasa sedang tidur bersama suspek, yang juga ibu kepada bayi itu kerana telah ditindih sehingga lemas atas katil yang sama.

"Tangkapan telah di buat ke atas suspek, yang juga seorang wanita warga Indonesia. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya.

"Suspek akan dituduh di Mahkamah Majistret Parit pada 22 September di bawah Seksyen 304A Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian dengan cuai," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja autistik ditemui duduk di tengah laluan motosikal KESAS

Oleh BERNAMA - September 20, 2025 @ 5:56pm



KUALA LUMPUR: Polis memohon bantuan orang ramai untuk mengesan keluarga kepada seorang remaja lelaki dipercayai autistik, yang ditemui duduk bersendirian di tengah laluan motosikal di Kilometer (KM) 43.2 Lebuhraya Shah Alam (KESAS) arah Kuala Lumpur, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Muhamad Farid Ahmad, berkata remaja dianggarkan berusia 14 tahun itu dijumpai seorang penunggang motosikal yang melalui jalan berkenaan pada jam 9.13 malam.

"Ketika ditemui, mangsa berkulit sawo matang itu memakai baju biru berlejang pendek serta seluar jeans biru, dan tanpa sebarang pengenalan diri," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Muhamad Farid berkata, remaja itu kini diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk jagaan sementara serta tindakan lanjut.

Sehubungan itu, polis menggesa keluarga atau waris atau orang ramai yang mengenali mangsa untuk menghubungi Balai Polis Puchong Jaya melalui talian 03-80752222.